

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Ketika Saidatina Hafsa – isteri Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* – menyatakan kepada ayahandanya iaitu Saiyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb *radīyy Allahu ‘anh* agar beliau memakai pakaian jenis yang lembut-lembut, beliau pun menjawab dengan katanya:

Menolak Kemewahan Hidup

((Wahai anakku Hafsa, bukankah engkau telah maklum bahawa seorang tuan rumah itu orang rumahnyalah yang lebih tahu akan hal ehwalnya?))

Dijawab oleh Hafsa ((Benar.))

Kemudian beliau berkata: ((Ku serukan engkau dengan nama Allah! Tidakkah engkau tahu bahawa Nabi (S.A.W) selama dibangkitkan sekian-sekian tahun baginda bersama-sama orang rumahnya tak pernah merasakan kenyang di waktu siang melainkan berlapar di waktu malam dan tak pernah merasakan kenyang di waktu malam melainkan berlapar di waktu siang?))

Dijawab oleh Hafsa ((Benar.))

Kemudian beliau berkata lagi; “Ku serukan engkau dengan nama Allah! Tidakkah engkau tahu bahawa Nabi (S.A.W) pernah membasuh bajunya tiba-tiba Bilal menyerukan bang (azan) kerana sembahyang baginda tak punya baju yang lain penutup auratnya untuk sembahyang, melainkan sesudah dipakainya sehelai dari pakaian orang rumahnya lalu baginda pun sembahyang?”

Dijawab oleh Hafsa “Benar”

Kemudian katanya lagi; “Ku serukan engkau dengan

nama Allah begini-begini...” dan terus beliau menceritakan tentang keadaan Nabi (S.A.W) sehingga akhirnya beliau pun menangis menyebabkan Hafsa pula menangis.

* * *

Kawan-kawan

Kata Saiyidina ‘Alī, seorang itu menjadi banyak kerana ada kawan-kawannya.

Katanya lagi; Ada tiga orang yang tak dikenal, melainkan bila telah berada dalam tiga ketika.

(1) Orang yang berani baru dikenal keberaniannya ketika bertempur.

(2) Orang yang penyantun baru dikenal kesabarannya ketika marah.

(3) Kawan yang baik baru dikenal ketika dihajati.

Kata setengah ahli falsafah: Kawan-kawan itu merupakan jiwa yang satu yang mendiami beberapa batang tubuh yang berasing-asingan.

Kata seorang ahli hikmah ketika ditanya orang:

“Mana satu yang tuan cintai, saudarakah atau

kawan?” Dijawabnya: “Tentunya saudaralah yang saya

cintai kalau dia menjadi kawan saya.”

Imām Al-Laiyth ibn Sa‘ad

Namanya, Al-Laiyth bin Sa‘ad bin ‘Abd al-Rahman, terkenal sebagai imam (menjadi ikutan orang ramai) dalam bahagian ilmu fikah di negeri Mesir. Diperanakkan di bandar Qalqashandah – daerah Qalyubiyah Mesir.

Imam al- Shāfi‘ī ketika menerangkan tentang imam tersebut, katanya: Beliau (Al-Laiyth) lebih alim orangnya dalam ilmu fikah jika dibandingkan dengan Imām Mālik, hanya sayang sedikit tak ada kawan-kawannya yang berusaha menyiarkannya.

Kata Uthmān bin Šālih pula: Banyak penduduk Mesir dahulu telah mencela Saiyidina Uthmān ibn ‘Affān. Tetapi bila imam tersebut telah lahir di tengah-tengah masyarakat mereka dan memberi penerangan tentang kelebihan-kelebihan Saiyidina Uthmān, maka celaan tersebut telah terhenti.

Dan banyak pula penduduk-penduduk di negeri Hamas (Syria) telah mencela Saiyidina ‘Alī. Tetapi bila telah lahir seorang yang bernama ‘Isma‘īl bin ‘Abbās di kalangan masyarakat mereka dan memberi penerangan tentang kelebihan-kelebihan Saiyidina ‘Alī, maka begitu pulalah celaan tersebut telah terhenti.

Pada masa Imām Al-Laiyth menunaikan ibadah haji beliau telah singgah di al-Madīnah al-Munawwarah. Di sana Imām Mālik telah mengirinkan kepadanya sedulang penuh berisi buah *rūṭab* (kurma yang sedang masak ranum), kiriman itu telah dibalasnya dengan memulangkan dulang tersebut yang diisikan pula dengan wang seribu dinar.

Pada tiap-tiap tahun Imām Al-Laiyth telah mendapat hasil dari pekerjaannya sebanyak 20,000 dinar.

semua hasil itu telah dibelanjakannya, sehingga beliau tak pernah terkena kewajipan zakat.

Ada diceritakan seorang perempuan telah mengadu kepada beliau bahawa anaknya sedang sakit ingin minum manisan madu. Beliau pun berkata kepada khadamnya: Hai khadam, berikan kepada perempuan ini setakir madu – takir tersebut berisi kira-kira sebanyak 120 kati. Ketika ditanya orang mengapa begitu banyak madu itu diberikannya? Dijawabnya: Perempuan itu telah meminta ala kadar yang dihajatnya, maka kami pun memberikan kepadanya ala kadar yang kami ada menikmatinya.

Ada pula satu kaum yang datang kepadanya membeli buah kurma. Kemudian mereka mengharap supaya buah itu dihantarkan. Beliau pun menyuruh hantarkan, kemudian beliau memberikan pula kepada mereka sejumlah wang banyaknya 50 dinar seraya katanya: Mereka itu telah meletakkan harapan kepada kami, maka saya ingin memberikan ganti kepada mereka atas harapan itu.

* * *

Celaan Mengemis

Dalam sebuah hadith Nabi (S.A.W) ada diceritakan bahawa Nabi telah bersabda “*Man sa`al wa `indahu mā yughnīhi fa innamā yastakthiru min al-nār*” Ertinya “Barangsiapa meminta pada hal ada baginya barang yang mencukupi hajatnya, tak lain ia hanya memperbanyak api neraka.”

Orang-orang pun bertanya: Ya Rasulullah apakah gerangan yang mencukupi hajatnya itu?

Dijawab oleh baginda: “*Qadru mā yughaddīhi aw yu`ayyi shuhu*” Ertinya “Sekadar yang mencukupi makanannya sahaja, atau dia boleh hidup dengannya.”

Bertanam Sesudah Tua

Ketika orang bertanya kepada Saiyidina Uthmān *radīyy*
Allahu ‘anh “Adakah tuan masih bertanam juga pada hal
tuan telah berusia lanjut?”

Dijawab oleh beliau: “Seandainya kiamatlah
sekarang sedang saya dari golongan pembuat kebajikan
(*muṣliḥīn*) itu lebih baik, dari dimatikan sedang
saya dari golongan pembuat bencana (*muḥsiḍīn*).”

Masuk Syurga Tak Sekalipun Sembahyang

Nama orangnya ialah Aṣram ibn ‘Abd al-Asyhal. Mulanya
ia telah menolak Islam untuk menjadi agamanya dan

agama kaum kerabatnya.

Tetapi pada ketika berlaku peperangan Uhud (*Uḥūd*),
dan menyaksikan bagaimana Rasulullah (S.A.W) telah keluar
dari Madinah untuk menghadapi musuh, Allah telah bukakan
pintu hatinya, lalu ia pun memeluk agama Islam,
kemudian dihunusnyalah pedangnya lalu menyerbu menyerang musuh
dan bertempur sehingga terbunuh.

Nabi (S.A.W) telah menyatakan dengan sabdanya “*Innahu*
liman ahli al-Jannah” ertinya “Sesungguhnya dia dari
penduduk syurga.”



Tiga milion pohon kurma tertanam di Algeria. Dan salah sebuah kilangnya sedang menyiapkan pembungkusan
buahnya yang istimewa lazatnya.